

5 MAR 1996

Anwar - MTUC

ANWAR SETUJU JUMPA MTUC SETELAH KONGRES ITU BERSETUJU TEMUI KWSP

PETALING JAYA, 5 Mac (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata beliau memberi peluang kepada Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menemuinya esok memandangkan kongres itu telah bersetuju mendapatkan penjelasan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) semalam.

"Oleh kerana nasihat telah diberikan dan mereka (MTUC) teruskan perjumpaan dengan KWSP, saya fikir saya wajar memberi peluang untuk mengadakan pertemuan bagi mendapatkan pandangan MTUC," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan antarabangsa mengenai Islam di Asia Tenggara, di sini hari ini.

Baru-baru ini Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan pemimpin MTUC sebagai terlalu sombong berikutan keengganan mereka menemui pengurusan KWSP tanpa kehadiran Anwar, yang juga Menteri Kewangan, untuk menjelaskan soal pembayaran dividen 7.5 peratus tahun lepas berbanding 8 peratus tahun sebelumnya.

Berikutan itu, Dr Mahathir berkata Anwar tidak perlu menemui pemimpin MTUC.

Bagaimanapun, semalam MTUC bersetuju menemui KWSP.

Mengenai saranan MTUC semalam supaya melonggarkan peraturan berhubung pelaburan KWSP, Anwar berkata beliau akan memberi penjelasan mengenai perkara itu esok.

"Saya akan memberi penjelasan... banyak bantuan dan pertolongan termasuk pengagihan saham diberikan (kepada KWSP) dan perkara ini akan dipertimbangkan seterusnya," katanya. -- BERNAMA

NZ AKD